

# 179,383 PATI ada kad UNHCR

Sinar HARIAN (10/06/2021) M15 05

**EKSKLUSIF**

KDN suarkan kebimbangan dengan peranan UNHCR Malaysia membenarkan pelarian bolosi negara ini

PUTRAJAYA



Etnik Rohingya contohnya menjadikan Malaysia sebagai negara pilihan mendapatkan perlindungan UNHCR.

**K**ementerian Dalam Negeri (KDN) mengakui berasa bimbang dengan jumlah pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) di negara ini akan mencecah angka jutaan orang dalam tempoh tidak sampai 10 tahun lagi.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, keadaan itu tidak mustahil berlaku sekiranya tindakan mengeluarkan kad itu dengan sewenang-wenangnya tidak dihentikan segera.

**LAPORAN MUKA DEPAN**



Seramai 179,383 pendatang asing di Malaysia ini diberikan kad UNHCR.



**HAMZAH**

(2,850), 2020 (971) dan tahun 2021 ialah seramai 188 orang.

### Terlalu mudah

Sementara itu, Hamzah turut mempersoalkan tindakan UNHCR yang begitu mudah mengeluarkan kad berkenaan dan memberikan kepada pelarian untuk tinggal di Malaysia.

“Apa punya kerja ini? Lepas itu (UNHCR) nak marah pula saya kerana mereka tidak boleh pergi di depoh tahanan kita.

“Kenapa? Adakah anda mempunyai kuasa hendak bagi kad UNHCR (di depoh)? Anda tidak ada kuasa. Tapi anda nak masuk itu pasal apa? Pasal nak bagi kad UNHCR itu?” soal beliau.

Hamzah menegaskan, perjumpaan dan perbincangan dengan UNHCR mengenai perkara itu telah diadakan sejak tahun lepas dan ia akan diteruskan selaras ini.



Laporan Sinar Harian pada Rabu.

mentukan segera.

Beliau berkata, situasi berkenaan tidak adil untuk Malaysia kerana negara ini semestinya tidak mahu menanggung masalah yang dibawa oleh orang luar.

“Saya akan bekerjasama dengan Wisma Putra dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk kita mencari jalan penyelesaian supaya UNHCR tidak mudah dan sewe-

nang-wenang mengeluarkan kad berkenaan.

“Kita negara berdaulat dan kita akan menegakkan hak kita dengan undang-undang yang ada,” katanya pada temu bual khas di kementeriannya pada Rabu.

Beliau mengulas mengenai desakan segelintir pihak agar pejabat UNHCR di negara ini ditutup kerana fungsinya yang

didakwa sudah menyimpang daripada matlamat asal.

UNHCR kini dilihat lebih berperanan memastikan Malaysia menjadi negara penempatan pelarian hingga mendorong pelarian untuk terus datang ke negara ini.

Menurut statistik, pemegang kad UNHCR di Malaysia sekarang ialah seramai 179,383 pendatang asing tanpa izin (PATI)

berbanding hanya 140,982 pada tahun 2013.

Ini bermakna berlaku peningkatan sebanyak 38,401 dalam tempoh lapan tahun lalu.

Dari segi jumlah pelarian UNHCR yang dihantar ke negara ketiga bermula pada tahun 2013 ialah seramai 8,537 orang, diikuti tahun 2014 (10,976), 2015 (12,547), 2016 (8,106), 2017 (2,631), 2018 (2,407), 2019

selepas ini.

“Ada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu perseorangan menyokong perjuangan saya untuk masa depan supaya masalah ini tidak berpanjangan.

“Saya tidak mahu suatu hari nanti, dalam masa tidak sampai 10 tahun, jumlah (pemegang kad UNHCR) menjadi berjuta-juta orang,” tegas beliau.

## Pendaratan Rohingya: PDRM kawal ketat sempadan

**PASIR MAS** - Kawalan di sempadan Malaysia diperketatkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam usaha mengekang kemasukan pelarian etnik Rohingya yang mendarat di Aceh Timur, Indonesia.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ke-

tenteraman Awam (PGA), Datuk Kasuahdi Ali berkata, kawalan tersebut merangkumi kawalan sempadan Malaysia di Sabah dan Sarawak.

“Saya sudah mengarahkan semua komander PGA supaya bersiap siaga bagi memastikan kumpulan berkenaan tidak memasuki negara,” katanya kepada pemberita pada Rabu.

Media Indonesia sebelum ini melaporkan, keha-

diran seramai 81 pelarian etnik Rohingya dikesan di sekitar pesisir pantai Kuala Simpang Ulim, Aceh Timur pada 4 Jun, jam 7 pagi (waktu Indonesia Barat).

Menurut laporan itu, kumpulan pelarian berkenaan terdiri daripada 70 orang dewasa dan 11 kanak-kanak.

Mereka berjaya mendarat pada malam atau awal

pagi 3 Jun yang mana pada asalnya berjumlah 90 orang, namun lapan orang meninggal dunia dan seorang hilang di laut.

Kumpulan tersebut mempunyai kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

Beliau berkata, pihaknya mengambil serius perkara itu kerana ia melibatkan keselamatan negara.



Kasuahdi (depan) pada sidang akhbar di PD Pasir Mas, Kelantan pada Rabu.